

peristiwa penting korporat

1973 – 1975

- MNRB memulakan operasi pada 19 Februari 1973
- Sisen Sukarela kepada MNRB bermula empat bulan kemudian
- Mula menawarkan Triti Lebihan Kerugian kepada syarikat insurans tempatan
- Mula mengunderait perniagaan Fakultatif Tempatan dan perniagaan luar negara alir masuk bukan salingan

1976 – 1978

- Meretrosid sebahagian daripada Sisen Sukarela kepada syarikat-syarikat insurans tempatan pada akaun bersih
- Menaja Seminar Insurans Kuala Lumpur yang pertama, dihadiri oleh lebih daripada 400 delegasi
- Memulakan pengunderaitan Kongsi Kuota sebanyak 10% daripada perniagaan Pelbagai Kemalangan dan Kenderaan
- Peningkatan tahap retrosisen dari 25% ke 30% untuk perniagaan Kebakaran dan Kemalangan Diri

1979 – 1981

- Pertambahan dalam modal berbayar daripada RM5,200,002 kepada RM6,240,003
- Memulakan pertukaran bersalingan dengan syarikat-syarikat luar negara
- Pegangan saham Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) sebanyak 50% dalam MNRB telah dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB)

1982 – 1984

- Modal berbayar ditambah kepada RM8,216,004
- Menerbitkan edisi pertama Direktori Insurans Malaysia
- Memperkenalkan Lebihan Kerugian Akaun Serentak untuk retrosisen

1985 – 1987

- Penubuhan jabatan-jabatan berikut:
 - * *Jabatan Khidmat Teknikal* – untuk menjalankan kajian kebakaran termasuk khidmat nasihat mengenai pengurusan risiko dengan kebanyakan kosnya ditanggung oleh MNRB;
 - * *Jabatan Pemeriksaan* – untuk memastikan syarikat-syarikat mematuhi pelbagai Perjanjian Antara Syarikat; dan
 - * *Jawatankuasa Pengkadaran* – untuk menentukan kadar khas di bawah Tarif Kebakaran untuk Insurans Kebakaran dan Insurans Semua Risiko Perindustrian

1988 – 1990

- Peningkatan tahap retrosisen daripada 50% kepada 55% bagi syarikat pemegang saham MNRB
- Pelaksanaan Peringkat 1 – tahap baru Sisen Sukarela, Retrosisen dan lain-lain pengaturan pasaran insurans semula
- Mula mengatur Kejohanan Golf Tahunan dan “Outward Bound School” bagi industri insurans

1991 – 1993

- Pelaksanaan sisen automatik ke atas perniagaan Fakultatif dan Triti
- Mula menganjurkan Rumah Terbuka Hari Raya Tahunan bagi industri insurans
- Dilantik sebagai Pengurus Pentadbiran Gemblengan Insurans Motor Malaysia
- Malaysian-Re International Insurance (Labuan) Ltd. (MIIL) telah ditubuhkan sebagai sebuah anak syarikat milik penuh
- Pelaksanaan Peringkat II – tahap-tahap baru Sisen Sukarela, Retrosisen dan lain-lain pengaturan pasaran insurans semula
- MNRB dan MNI bersama-sama telah menjadi hos dan menganjurkan Mesyuarat Agung Ke 13 Pertubuhan Syarikat Insurans dan Insurans Semula Afro-Asian, yang dihadiri oleh lebih daripada 350 peserta di peringkat antarabangsa dan tempatan

1994 – 1996

- Bank Negara Malaysia telah melantik MNRB untuk menguruskan Skim bagi Insurans Risiko Besar dan Khusus
- Dilantik sebagai Pengurus bagi Konsortium Risiko-Risiko Tenaga Malaysia
- Pelancaran Biro Pentadbiran Pusat
- Perlaksanaan Peringkat III – tahap baru Sisen Sukarela, Retrosisen dan lain-lain pengaturan pasaran insurans semula
- MIIL, sekarang dikenali sebagai Labuan Reinsurance (L) Ltd., tidak lagi menjadi anak syarikat milik penuh MNRB dengan kecairan kepentingan ekuiti sehingga 20%
- Dilantik sebagai Pengurus Gemblengan Penerbangan Malaysia
- MNRB telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (kini dikenali sebagai Bursa Saham Malaysia Securities Berhad)

1997 – 1999

- Permulaan perniagaan Fakultatif luar negara dan pelancaran Laman Web MNRB (<http://www.malaysian-re.com.my>)
- Pelancaran Tabung Biasiswa MNRB berjumlah RM1 juta
- MNRB berpindah ke bangunan sendiri, Bangunan Malaysian Re
- Perlaksanaan tahap-tahap baru Sisen Sukarela, Retrosisen dan lain-lain pengaturan pasaran insurans semula

2000 – 2001

- Penganugerahan pensijilan MS ISO 9002:1994
- Dilantik sebagai Pengurus Akaun bagi Skim Sihat Malaysia
- Penambahan sumbangan sebanyak RM1 juta kepada Tabung Biasiswa MNRB
- Memperolehi sebuah lagi bangunan, Wisma KT (kini dikenali sebagai Bangunan Takaful IKHLAS, Petaling Jaya, Selangor).

2002

- Pengaturan insurans pengangkutan melalui Kemudahan Perlindungan Keganasan Malaysia
- Menerima kelulusan pada dasar daripada Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan operasi Takaful

2003

- Pada 21 April 2003, Bank Negara Malaysia telah meluluskan pendaftaran Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Syarikat memulakan operasi pada 2 Julai 2003
- MNRB telah diberi kelulusan Persijilan Piawaian ISO yang baru, MS ISO 9001:2000
- Pelaksanaan tahap-tahap baru Sisen Sukarela. Retrosisen pada industri telah ditamatkan mulai daripada 1 Januari 2003
- Memperolehi sebuah lagi bangunan, Blok A, Plaza Damansara, Kuala Lumpur

2004

- Memulakan skim penyusunan semula Kumpulan dengan mengubah syarikat sedia ada menjadi syarikat induk dan menubuhkan syarikat baru untuk melaksanakan perniagaan insurans semula

2005

- Malaysian National Reinsurance Berhad telah menyelesaikan pelaksanaan penstrukturan semulanya seperti yang dijadualkan pada 1 April 2005. Berkuatkuasa 1 April 2005, nama Syarikat ditukarkan kepada MNRB Holdings Berhad atau MNRB. Syarikat induk baru ini adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan yang akan memberi tumpuan terhadap pengembangan syarikat ke dalam perniagaan-perniagaan lain untuk meluaskan asas pendapatan dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kewangan Kumpulan. Perniagaan insurans semula telah dipindahkan ke anak syarikat 100% milik MNRB yang baru diperbadankan, iaitu Malaysian Reinsurance Berhad atau ringkasnya, Malaysian Re. Berikutan pemindahan perniagaan insurans semula ini, Malaysian Re mengambil alih kesemua aset dan liabiliti perniagaan insurans semula MNRB. Perniagaan takaful akan terus dikendalikan oleh Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. atau Takaful IKHLAS, yang juga merupakan sebuah anak syarikat milik penuh MNRB. Labuan Reinsurance (L) Ltd. atau Labuan Re kini adalah sebuah syarikat bersekutu Malaysian Re

2006

- MMIP Services Sdn. Bhd. (MSSB), ditubuhkan untuk mengurus pentadbiran Malaysian Motor Insurance Pool atau MMIP. Syarikat yang berdedikasi ini akan menyediakan perkhidmatan pentadbiran kepada MMIP, gembungan yang diwujudkan oleh industri insurans untuk menyediakan perlindungan kepada pemilik kenderaan yang menghadapi kesukaran untuk mendapat perlindungan
- MNRB mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan syarikat takaful semula di bawah Akta Takaful 1984 bagi mengendalikan kedua-dua perniagaan takaful semula am dan keluarga. Anak syarikat milik penuh MNRB ini dikenali sebagai MNRB Retakaful Berhad (MNRB Retakaful)
- Malaysian Re (Dubai) Ltd. (Malaysian Re Dubai) telah diperbadankan sebagai anak syarikat milik penuh Malaysian Reinsurance Berhad
- Malaysian Re memenangi anugerah ternama iaitu Anugerah Sumbangan Industri Insurans Semula yang berprestij dan dianugerahkan oleh Majalah Asia Insurance Review dan The Review
- Malaysian Re diberikan Penarafan Kekukuhan Kewangan A- (Cemerlang) dan Penarafan Terbitan Kredit (ICR) "a-" oleh A.M. Best Co.
- Malaysian Re diberikan Penarafan Kedudukan Kewangan Penanggung Insurans (IFS) "A-" (A minus) dengan prospek stabil oleh Fitch Ratings

2007

- Malaysian Re telah diberikan pengesahan semula Penarafan Kekukuhan Kewangan A- (Cemerlang) dan Penarafan Terbitan Kredit (ICR) "a-" oleh A.M. Best Co.
- Malaysian Re telah diberikan pengesahan semula Penarafan Keteguhan Kewangan "A-" bagi Penarafan Kedudukan Kewangan Penginsurans (IFSR) A- (A minus) dengan prospek yang stabil oleh Fitch Ratings
- MNRB Retakaful memulakan operasi pada Ogos 2007 sebagai pengendali takaful semula pertama di Malaysia

2008

- Malaysian Re Dubai dilancarkan secara rasmi pada 18 Mac 2008
- MNRB membeli kepentingan sebanyak 9.99% dalam British Islamic Insurance Holdings Ltd. United Kingdom (BIIH)